

Pameran Fotografi 'Indahnya Islam'



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaheneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Abidin menyaksikan Pameran Fotografi 'Indahnya Islam'.

BANDAR SERI BEGAWAN, yang berbeza dari gambaran sesebuah negara itu akan lebih diharang dengan adanya pameran-pameran fotografi yang menunjukkan sudut pandangan

yang berbeza dari gambaran yang kebiasaannya diketengahkan untuk tujuan promosi dan pelancongan.

Lebih-lebih lagi dalam mengetengahkan ibu negara

Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia Tahun 2019. Gambar-gambar yang memperlihatkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir setentunya dapat memberikan pendedahan yang memberi impak kepada para pelancong yang tiba di negara ini.

Bagi tujuan tersebut, Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam (PFNBD) dengan kerjasama Jabatan Muizum-Muizum, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan Pameran Fotografi bertajuk 'Indahnya Islam' yang berlangsung di Galeri Seni, Dermaga Diraja yang juga bersempena dengan 50 Tahun (Jubli Emas) Penubuhan PFNBD.

Hadir menyempurnakan perasmian pameran tersebut ialah

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaheneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KKBS.

Jabatan Muizum-Muizum memberi peluang dan ruang Galeri Seni, Dermaga Diraja sebagai wadah bagi memperkenalkan hasil seni karya Ahli-ahli PFNBD yang dirakam dan diambil di negara ini mengikut perspektif masing-masing.

Sejarah dengan objektif

pertubuhan, iaitu bagi menggalakkan orang awam meminati dan seterusnya menghargai nilai seni fotografi, pameran tersebut adalah salah satu produk utama pertubuhan yang perlu diketengahkan sebagai tontonan awam.

Selain itu, ia juga bagi memperlihatkan sudut pandangan yang berbeza mengenai sesuatu objek atau tempat dan setentunya akan menjadi satu platform bagi mendorong para ahli pertubuhan tersebut supaya lebih berkeyakinan dalam berkarya lebih jauh lagi.

Sebanyak 52 keping gambar hasil seni karya Ahli-ahli PFNBD yang dirakam dan diambil di negara ini mengikut perspektif masing-masing.

Sejarah dengan objektif

UNISSA terima sumbangan buku



PESURUJAYA Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar (kiri) menyerahkan sumbangan buku tersebut kepada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal (kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



PENGETUA SMPAPHRSB, Dayang Halizawati binti Haji Kepli semasa berucap pada majlis tersebut.

pelbagai aktiviti diadakan antara bazaar jualan, persembahan dan pameran terbanyak bagi Kad Kutipan terbanyak bagi Kad Kutipan Cleanathon kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang berjaya meraih kutipan tertinggi.

Sepanjang acara tersebut,

AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput (lima, kanan) selaku Ketua Kampung Labi I, Daerah Belait hadir pada Majlis Cleanathon dan Hari Keluarga sempena Jubli Perak Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPHRSB), Lumut.

Berita dan Foto : Ihsan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut

LUMUT, Isnin, 29 April. - Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPHRSB), Lumut kelmarin mengadakan Cleanathon dan Hari Keluarga sempena Jubli Perak sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Ketua Kampung Labi I, Daerah Belait.

Dalam ucapan alu-aluan Pengetua SMPAPHRSB, Dayang Halizawati binti Haji Kepli antara lain menjelaskan bahawa objektif majlis tersebut diadakan adalah bagi memperingati hari penubuhan sekolah tersebut yang ke-25 tahun.

Di samping itu, Cleanathon dan Hari Keluarga diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran serta memupuk rasa

cintakan kebersihan dan gaya hidup sihat kepada warga sekolah dan masyarakat setempat.

"Ia merupakan salah satu langkah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Ia juga bagi mengumpul dan menyumbang Dana untuk Tabung Pelajar Kurang Berkemampuan dan Anak-anak Yatim sekolah ini," jelas Dayang Halizawati.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat juga berkesempatan melancarkan papan tanda sumbangan SMPAPHRSB, Lumut.

Majlis juga diseluruh dengan penyampaian hadiah kutipan terbanyak bagi Kad Kutipan Cleanathon kepada guru-guru dan pelajar-pelajar yang berjaya meraih kutipan tertinggi.

Sepanjang acara tersebut,

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima sumbangan buku daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar.

Sejumlah 38 buah buku disumbangkan dan dicerahkan sendiri oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik India kepada Rektor UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal.

Buku-buku ini meliputi pelbagai topik termasuk kebudayaan, politik, ekonomi, sejarah, tokoh-tokoh terkenal serta beberapa buku akademik.

Di kesempatan ini, Rektor UNISSA mengucapkan penghargaan kepada TYT atas sumbangan tersebut yang dapat membantu menambah bahan bacaan dan koleksi Perpustakaan

UNISSA sebagai rujukan kepada orang ramai, khususnya para mahasiswa UNISSA.

Perjumpaan yang diadakan di Pejabat Rektor UNISSA juga dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara UNISSA dan Suruhanjaya Tinggi India, di samping akan mengadakan program-program ilmiah yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusan ke arah mengukuhkan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan India.

Setakat ini UNISSA mempunyai hubungan dua hala pendidikan dengan enam buah universiti ternama di India melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).

Turut hadir, Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.